

25/09/1998

MT timbang pecat Zahid

KUALA LUMPUR, Khamis - Majlis Tertinggi (MT) Umno akan menimbang permohonan Exco Pergerakan Pemuda Umno yang mahukan ketuanya, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, dikenakan tindakan oleh parti.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata perkara itu harus dipertimbangkan berikutan tindakan exco pergerakan itu menghantar memorandum hilang kepercayaan terhadap Ahmad Zahid kepada MT.

"Kalau dah Pemuda hantar memorandum, MT kena timbanglah sama ada MT akan ambil apa-apa tindakan," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan (NITC) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), di sini, hari ini.

Exco Pergerakan Pemuda Umno hari ini menyerahkan memorandum hilang kepercayaan terhadap Ahmad Zahid kepada Setiausaha Agung Umno, Datuk Sabbaruddin Chik, yang juga setiausaha pergerakan itu, untuk dikemukakan kepada MT.

Ini berikutan keengganan Ahmad Zahid untuk melepaskan jawatannya sehingga beliau ditangkap di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), berikutan kekecohan yang berlaku di ibu negara, baru-baru ini.

Perdana Menteri berkata, kerajaan juga akan mengkaji kedudukan Ahmad Zahid sebagai Pengerusi Bank Simpanan Nasional (BSN).

"Itupun kita kena kaji sama ada ia sesuai sebagai Pengerusi BSN atau tidak," katanya.

Sementara itu, Sabbaruddin berkata, mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin Umno Rabu ini akan mencadangkan kepada MT beberapa tindakan, termasuk pemecatan terhadap anggota parti yang menyokong apa yang dikatakan gerakan reformasi anjuran Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Menurutnya, jawatankuasa itu akan mendapatkan senarai lengkap dari polis berhubung pemimpin dan ahli parti yang didapati menyokong Anwar sehingga menimbulkan kekacauan.

"Kita akan dapatkan senarai dari polis sebelum Rabu ini. Selepas itu barulah dibincangkan supaya cadangan dapat diberi kepada MT," katanya pada sidang akhbar di sini, hari ini.

Mengikut Fasal 18.6 Perlembagaan Umno, ahli yang didapati menyalahi peruntukan perlembagaan atau tata etika ahli boleh dikenakan mana-mana daripada lima hukuman.

Hukuman berkenaan ialah diberi amaran, digantung hak dalam parti, dilarang bertanding mana-mana jawatan dalam parti atau sebagai calon dalam pilihan raya negeri atau umum bagi tempoh yang ditentukan oleh MT.

Selain itu, ahli juga boleh dipecat dikenakan hukuman lain yang difikirkan wajar dan selaras dengan perlembagaan.

Ahli terbabit juga tertakluk kepada Fasal 18.4 perlembagaan yang menetapkan ahli mematuhi tujuh perkara sebagai membuktikan kecintaan mereka terhadap parti.

Tujuh perkara itu ialah patuh kepada perlembagaan dan tata etika ahli; mengikut perintah parti; menjalankan dasar parti; patuh dan menghormati keputusan parti; menjaga rahsia parti; memelihara nama baik parti dan sentiasa menunjukkan tatalaku yang sopan lagi tertib.

Sabbaruddin berkata, mesyuarat jawatankuasa itu Rabu ini dijangka dipengerusikan oleh dua Naib Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Datuk Seri Najib Tun Razak.

Mengenai kedudukan Zahid, beliau berkata:

"Jika membabitkan ISA, ada peruntukan di bawah Akta Pertubuhan yang

menyebut seseorang yang dikenakan tahanan boleh dilucutkan hak dalam pertubuhan.

"Bagaimanapun, beberapa syarat perlu dipatuhi seperti surat penahanan dari menteri terbabit," katanya sambil meminta menunggu keputusan mesyuarat jawatankuasa berkenaan minggu depan," katanya.

(END)